

KONSEP JAGAAN PELIHARA BERASASKAN KELUARGA : PENEROKAAN PENGETAHUAN DALAM KALANGAN IBU BAPA PELIHARA DI MALAYSIA

(*The Concept of Family-Based Foster Care : An Exploration of Knowledge Amongst Foster Parents in Malaysia*)

Muzairiah Bajuri, Norulhuda Sarnon@ Kusenin, Nor Jana Saim & Fauziah Ibrahim

ABSTRAK

Jagaan pelihara berasaskan keluarga (*family-based foster care*) merupakan jagaan gantian yang memberikan persekitaran keluarga yang bersifat fleksibel kepada kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan pelindungan. Ia merupakan satu konsep yang tidak asing lagi di kebanyakan negara-negara maju seperti Amerika, United Kingdom, Kanada dan Australia. Namun, konsep jagaan pelihara berasaskan keluarga masih lagi baru dan kurang difahami dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Justeru kajian mengenai jagaan pelihara berasaskan keluarga masih kurang dijalankan di Malaysia. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk meneroka pengetahuan konsep jagaan pelihara berasaskan keluarga dalam kalangan ibu bapa pelihara. Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan teori *grounded* dengan penglibatan seramai 25 orang ibu bapa pelihara sebagai informan kajian yang dipilih menggunakan persampelan bertujuan. Kaedah temu bual mendalam menggunakan soalan separa berstruktur digunakan untuk pengumpulan data. Seterusnya data dianalisis menggunakan analisis tema menggunakan perisian Atlas.ti. Hasil kajian mendapat terdapat tiga tema utama iaitu (i) ketidakfahaman konsep jagaan pelihara berasaskan keluarga, (ii) kekeliruan konsep jagaan pelihara berasaskan keluarga dan pengangkatan dan (iii) sumber pengetahuan berdasarkan pengalaman. Hasil kajian ini boleh dijadikan panduan untuk mewujudkan satu garis panduan bagi memastikan kefahaman yang jelas tentang konsep jagaan pelihara supaya dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang awam, dan secara tidak langsung dapat menggalakkan mereka untuk mendaftar sebagai ibu bapa pelihara bagi membantu memberi pemeliharaan kepada kanak-kanak yang memerlukan.

Kata kunci: Anak pelihara, ibu bapa pelihara, ibu bapa kandung, keluarga pelihara

ABSTRACT

Family-based foster care is a form of substitute care to provide an adaptable family environment for children that in need of care and protection. The service is well-known in most of the developed countries such as the United States, United Kingdom, Canada and Australia. However, the concept of family-based foster care is new and unfamiliar for most Malaysians. Consequently, the focus of the study is still under scrutiny especially from the Malaysians' perspective. Hence, the research aims to explore the knowledge of foster parents about the concept of family -based foster care. This qualitative research uses grounded theory approach. 25 foster parents selected as participant by purposive sampling. The study used in-depth semi-structured method to gathered the data. Further, thematic analysis used to analyse the data by using the Atlas.ti software. Later, three main themes emerged; (i)

misunderstanding of the family-based foster care concept, (ii) confusing on the concept of family-based foster care and adoption, and (iii) experience-based knowledge. Bottom line, the research finding expected to help to establish a succinct guideline as well as to ensure a clear interpretation of the concept of family-based foster care to a burgeoning public interest. The foster parents registration will motive and enable to cater the demand of needy children to get care.

Keywords: Biological parents, concept of family-based foster care, foster children, foster parents

PENDAHULUAN

Program jagaan pelihara berassaskan keluarga di Malaysia merupakan program penempatan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan pelindungan yang terletak di bawah tanggungjawab Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Walaubagaimanapun, bagi memastikan keberkesanan dan kelangsungan program tersebut, pelbagai perkara perlu diperkemaskin terutamanya berkaitan pengetahuan dan pemahaman konsep jagaan pelihara berdasarkan keluarga. Menurut Chong (2008), konsep jagaan pelihara di Malaysia adalah merupakan konsep yang masih belum dikenali umum dan kebanyakan masyarakat lebih mengetahui tentang konsep pengangkatan atau program perkhidmatan anak angkat berbanding jagaan pelihara. Sedangkan konsep pengangkatan dan jagaan pelihara berdasarkan keluarga merupakan dua konsep yang berbeza termasuklah daripada segi definisi, hak ibu bapa sebagai penjaga dan tempoh jagaan.

Definisi jagaan pelihara berdasarkan keluarga adalah merujuk kepada penempatan kanak-kanak yang bersifat sementara yang tempohnya anjal di dalam bentuk jagaan yang bersifat kekeluargaan (Colton & Williams 1997 dan Schofield & Beek 2005). Menurut Maluccio dan Ainsworth (2006), penempatan sementara tersebut adalah keadaan di mana terdapat kemungkinan kanak-kanak tersebut dapat dikembalikan ke pangkuhan keluarga kandung setelah didapati kefungsian keluarga tersebut kembali pulih. Manakala definisi pengangkatan menurut Jabatan Kanak-kanak dan Keluarga Los Angeles (2009) adalah pemindahan hak undang-undang, tanggungjawab dan hak istimewa sebagai ibubapa. Pengangkatan merupakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang bersifat formal, tetap dan terikat dengan perundangan serta dilihat sebagai perkhidmatan seumur hidup (Triseliotis et al, 1997).

Dalam pengangkatan, hak-hak dan tanggungjawab ibu bapa biologi akan ditamatkan secara kekal dan diambil alih oleh beberapa individu atau suami isteri yang menjadi ibu bapa yang sah bagi kanak-kanak tersebut. Hal ini bermakna ibu bapa angkat mempunyai hak dan tanggungjawab yang sama seperti ibu bapa kandung. Hal ini berbeza bagi ibu bapa pelihara. Menurut Johnson (2005) ibu bapa pelihara hanya mempunyai hak dan tanggungjawab sebagai penjaga bagi kanak-kanak tersebut bagi tempoh masa tertentu sahaja dan tidak dipisahkan daripada ibu bapa kandung dari sudut undang-undang. Adalah amat penting bagi ibu bapa pelihara untuk mempunyai pengetahuan yang jelas tentang hak-hak penjagaan ke atas anak pelihara agar dapat bersedia fizikal dan mental jika mereka perlu memulangkan semula anak pelihara tersebut kepada keluarga kandung. Jagaan pelihara merupakan jagaan sementara oleh ibu bapa pelihara, oleh itu kanak-kanak boleh diambil semula oleh ibu bapa kandung setelah mereka mempunyai keupayaan untuk menjaga dengan baik. Anak pelihara juga perlu mengetahui dengan jelas status diri mereka sebagai anak pelihara atau anak angkat, agar mereka dapat bersedia dari segi mental dan fizikal jika perlu berpisah dengan keluarga

pelihara. Hal ini bukan sahaja penting kepada masa depan kanak-kanak bahkan penting untuk kesejahteraan ibu bapa pelihara dan kanak-kanak tersebut.

Selain itu, terdapat juga perbezaan dari aspek jangkamasa tempoh penjagaan kanak-kanak bagi jagaan pelihara dan pengangkatan. Jagaan pelihara adalah bersifat sementara iaitu tempoh yang fleksibel bergantung kepada keperluan kanak-kanak atau keluarga kandung mereka. Dalam tempoh ini pekerja sosial akan melakukan intervensi ke atas keluarga kandung dan kanak-kanak dengan tujuan mengembalikan kefungsian sosial mereka. Manakala pengangkatan adalah lebih bersifat kekal atau seumur hidup. Menurut Chong (2008) tempoh pengangkatan adalah bergantung kepada kuasa perundangan.

Walaubagaimanapun, terdapat kekeliruan pemahaman umum terhadap konsep jagaan pelihara dan pengangkatan sedangkan jagaan pelihara dan pengangkatan adalah merupakan dua konsep yang berbeza. Keadaan ini menyebabkan penggunaan istilah ‘anak angkat’ dan ‘ibu angkat’ telah digunakan dengan sewenang-wenangnya tanpa mengetahui konsep sebenar program pengangkatan dan jagaan pelihara. Salah tafsir berkaitan pemahaman konsep tersebut akan memberi kesan kepada kepentingan penempatan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan serta boleh menjelaskan masa hadapan kanak-kanak tersebut. Walaubagaimanapun, menurut Colton dan Williams (1997) masih tiada piawaian pemahaman tentang jagaan pelihara.

Di samping kekeliruan pemahaman umum tentang konsep jagaan pelihara dan pengangkatan, terdapat juga kekeliruan berkaitan pemahaman masyarakat terhadap istilah jagaan pelihara (*foster care*) dan jagaan keluarga pelihara (*family-based foster care*). Menurut Martin (2000), masyarakat telah mentafsirkan jagaan pelihara sebagai jagaan gantian yang merujuk kepada institusi sahaja sedangkan *foster care* turut merangkumi jagaan gantian yang disediakan oleh ibu bapa pelihara iaitu jagaan pelihara berdasarkan keluarga (*family-based foster care*). Disebabkan kekeliruan ini maka istilah *family-based foster care* telah digunakan oleh Martin (2000) bagi memberi gambaran yang jelas berkaitan jagaan gantian yang disediakan oleh ibu bapa pelihara.

Oleh kerana konsep jagaan pelihara masih belum dikenali secara meluas di Malaysia, kajian tempatan yang melibatkan jagaan keluarga pelihara bagi kanak-kanak amat jarang ditemui sebaliknya kajian lebih tertumpu kepada jagaan gantian di institusi seperti di rumah kanak-kanak dan rumah anak yatim (Chan 2013). Oleh itu, jurang skopus ilmu ini perlu diisi dengan menjalankan lebih banyak kajian-kajian lanjutan yang menekankan tentang konsep jagaan pelihara berdasarkan keluarga. Oleh yang demikian, lebih banyak kajian perlu dilakukan khususnya dalam aspek pengetahuan jagaan pelihara bagi meneroka pemahaman ibu bapa pelihara dengan lebih mendalam.

Hal ini turut disokong oleh Chan dan Md Zawawi (2017) yang menyatakan bahawa pemahaman yang jelas tentang jagaan gantian untuk kanak-kanak merupakan satu keperluan penting dalam pelaksanaan sistem perlindungan kanak-kanak agar dapat melindungi kepentingan dan hak kanak-kanak tersebut. Berdasarkan isu-isu yang dinyatakan, kajian ini dijalankan bagi meneroka apakah pengetahuan konsep jagaan pelihara dikalangan ibu dan bapa pelihara sebagai persediaan mereka menghadapi cabaran dalam memberi jagaan kepada anak pelihara.

SOROTAN KARYA

Jagaan pelihara (*foster care*) merupakan satu pendekatan yang telah diaplikasikan secara meluas di seluruh dunia dan bergantung kepada keperluan kanak-kanak, budaya dan sistem penjagaan kanak-kanak di sesebuah negara. Secara umumnya, jagaan pelihara merupakan

satu konsep jagaan gantian kepada kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan penjagaan. Martin (2000) merujuk jagaan pelihara sebagai jagaan alternatif oleh keluarga pelihara, penempatan di rumah perlindungan atau di kediaman berkelompok. Manakala menurut Azizah dan Nadhilah (2014), jagaan pelihara didefinisikan sebagai penempatan kanak-kanak dalam jagaan penjaga selain daripada ibu bapa kandung yang tertakluk di bawah Seksyen 30 Akta Kanak-kanak 2001. Johnson (2005) pula mengatakan bahawa jagaan pelihara boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu jagaan pelihara formal dan tidak formal. Menurut beliau, jagaan pelihara formal adalah penempatan kanak-kanak di institusi secara berkelompok (*residential care*), manakala jagaan pelihara tidak formal merupakan jagaan dalam keluarga (*family foster care*) contohnya seperti jagaan oleh ahli keluarga atau rakan (*kinship fostering*) serta jagaan pelihara oleh ibu bapa pelihara.

Menurut Colton dan Williams (1997), Pithouse et al. (2002), Schofield dan Beek (2009), Triseliotis (2002) dan Sellick (1999), jagaan pelihara berdasarkan keluarga (*family-based foster care*) adalah merupakan jagaan gantian yang memberikan persekitaran keluarga yang bersifat fleksibel kepada kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan penjagaan. Konsep jagaan pelihara berdasarkan keluarga adalah merupakan konsep jagaan yang paling ideal kerana lebih memberikan kesan positif berbanding dengan jagaan di institusi. Hal ini adalah disebabkan jagaan berdasarkan keluarga mempunyai elemen jagaan individu yang lebih kondusif untuk perkembangan dan pembangunan diri menyeluruh kanak-kanak tersebut (E.Johnson et al. 2014). Perkara ini turut disokong oleh Rahman et al. (2013) iaitu kanak-kanak yang dibesarkan di institusi mempunyai masalah dari segi tingkah laku, prestasi persekolahan dan emosi. Johnson (2005) juga berpendapat bahawa jagaan di institusi adalah tidak ideal kepada perkembangan kanak-kanak dan berpotensi kepada risiko buli dalam kalangan kanak-kanak.

Secara umumnya, tujuan utama jagaan pelihara disediakan di kebanyakan negara adalah untuk menyediakan jagaan gantian kepada kanak-kanak yang ditinggalkan, disalahgunakan, didera atau diabaikan supaya mereka juga mempunyai peluang yang sama untuk hidup seperti kanak-kanak yang lain (Colton & William 2005). Jagaan pelihara adalah penting dan diperlukan apabila ibu bapa kandung telah tiada ataupun ibu bapa mempunyai masalah ketidakupayaan dari segi sosial, emosi, ekonomi dan fizikal untuk menjaga kanak-kanak dengan baik (Stahl 1990). Sehubungan itu, bagi memastikan kanak-kanak tersebut mendapat penjagaan yang sewajarnya, menurut Triseliotis (2002) dan Sellick (1999) terdapat lima jenis jagaan pelihara berdasarkan tempoh penjagaan dan keperluan kanak-kanak tersebut iaitu *relief care*, kecemasan, jangka pendek, jangka sederhana, dan jangka panjang atau tetap, (Jadual 1).

Jadual 1: Jenis-jenis Jagaan Pelihara Mengikut Tempoh Masa

Jenis	Keterangan
<i>Relief care</i>	Perkhidmatan yang memberi peluang masa rehat
Kecemasan	Tempoh kepada beberapa hari sahaja
Jangka Pendek	Tempoh kepada 12 minggu
Intermediate atau Medium	8 minggu kepada 2 tahun
Jangka Panjang atau Tetap	2 tahun dan ke atas

Sumber : Adaptasi dari Chan (2008)

Di Malaysia, terdapat tiga jenis jagaan berdasarkan keluarga iaitu i) Penempatan kanak-kanak oleh ibu bapa, penjaga atau saudara, ii) Penempatan kanak-kanak oleh ibu atau bapa pelihara atau orang yang layak dan sesuai, dan iii) Penempatan kanak-kanak di suatu pusat seperti Rumah Tunas Harapan (RTH). Walaupun, di Malaysia tiada undang-undang khusus untuk jagaan pelihara tetapi ianya termaktub di dalam Seksyen 30(1)(b) dan 30(1)(c), Akta Kanak-kanak 2001 pindaan 2016 berkaitan penempatan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan pelindungan ke dalam jagaan keluarga pelihara. Sementara bagi pengangkatan, terdapat undang-undang khusus untuk proses tersebut iaitu di bawah Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 dan Akta Pengangkatan 1952.

Perkara ini selaras dengan Konvensyen Hak Kanak-kanak (CRC) yang telah ditandatangani oleh kerajaan Malaysia pada 28 Disember 1994 yang menyatakan dengan jelas dalam Artikel 7 dan 8 iaitu menjelaskan tentang hak kanak-kanak untuk tinggal dengan keluarga kandung. Sementara Artikel 18 menyatakan tentang tanggungjawab ibubapa memberi penjagaan kepada anak dan sekiranya berlaku keadaan ibubapa kandung tidak berkemampuan atau tidak layak untuk menjaga maka kanak-kanak boleh dijaga oleh orang yang lebih layak dan sesuai seperti dinyatakan di dalam Artikel 20.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini menggunakan kajian berbentuk teori *Grounded* yang bermaksud teori diperolehi dari peserta yang dikaji atau bidang penyelidikan yang diselidiki melalui analisis data secara sistematik, memberi andaian yang relevan, menjelaskan, menginterpretasi dan mengaplikasikan dengan baik dalam penyelidikan (Glasser & Strauss, 1967). Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh JKM, Selangor adalah merupakan negeri yang mempunyai statistik yang tertinggi bagi penempatan kanak-kanak ke dalam jagaan ibu bapa pelihara. Oleh itu informan kajian ini dipilih dalam kalangan ibu bapa pelihara yang tinggal di sekitar negeri Selangor. Seramai 25 individu yang terdiri dari ibu dan bapa pelihara telah dipilih sebagai informan kajian dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan. Ciri-ciri informan tersebut adalah (i) ibu bapa pelihara yang telah diberi hak penjagaan oleh Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat (KPKM) bagi memelihara kanak-kanak di bawah Seksyen 30(1)(e) Akta Kanak-kanak 2001, ii) ibu bapa pelihara yang telah diberi hak penjagaan oleh Mahkamah bagi kanak-kanak di bawah Seksyen 30(1)(b) Akta Kanak-kanak 2001 iaitu penempatan kanak-kanak di bawah jagaan orang yang layak dan sesuai, iii) ibu bapa pelihara yang mempunyai pengalaman menjaga anak pelihara sekurang-kurangnya dua tahun. Informan kajian ini juga merupakan ibu bapa pelihara yang dirujuk oleh pegawai pelindung kanak-kanak dari Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) Klang, Subang Jaya, Petaling Jaya, Hulu Langat dan Gombak yang bertanggungjawab mengendalikan kes jagaan pelihara.

Pengkaji telah menggunakan kaedah temubual mendalam menggunakan soalan separa berstruktur. Soalan-soalan yang dibina adalah berdasarkan sorotan literatur yang telah dibuat oleh pengkaji dengan menggunakan protokol kajian yang diadaptasi daripada Asmussen dan Creswell (1995). Ketika menjalankan temubual, pengkaji mengemukakan soalan terbuka kepada infoman dan soalan selanjutnya diajukan berdasarkan kepada jawapan yang diberikan oleh informan. Pengkaji juga menggunakan teknik *probing* untuk mencungkil maklumat yang lebih jelas daripada pernyataan yang diberikan oleh informan. Data yang diperoleh kemudian dianalisis menggunakan analisis tema menggunakan perisian Atlas.ti.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Penerokaan konsep jagaan pelihara di kalangan ibu dan bapa pelihara telah memperlihatkan tiga tema utama yang diperoleh hasil daripada analisis data temubual (Rujuk Jadual 2). Tema tersebut adalah (i) ketidakfahamanan konsep jagaan pelihara berdasarkan keluarga, (ii) kekeliruan konsep jagaan pelihara berdasarkan keluarga dan pengangkatan dan (iii) sumber pengetahuan berdasarkan pengalaman.

Jadual 2: Jadual tema dan sub-tema

Tema	Sub-tema
1. Ketidakfahamanan konsep jagaan pelihara berdasarkan keluarga	i. Tiada penjelasan konsep ii. Tidak faham konsep
2. Kekeliruan konsep jagaan pelihara berdasarkan keluarga dan pengangkatan	i. Kekeliruan istilah anak pelihara dan anak angkat ii. Jagaan pelihara sebagai Pra Pengangkatan
3. Sumber pengetahuan berdasarkan pengalaman.	i. Menjaga seperti anak kandung ii. Menyediakan hak kehidupan sebagai kanak-kanak iii. Keperluan penjaga untuk memelihara kanak-kanak iv. Keinginan menjadi ibu bapa pelihara

Sumber : Kerja Lapangan (2018)

A. *Ketidakfahamanan Konsep Jagaan Pelihara Berdasarkan Keluarga*

Berdasarkan analisis temubual, pengkaji mendapati terdapat dua tema asas di bawah tema utama yang pertama ini iaitu ibu bapa pelihara tidak menerima sebarang penjelasan berkaitan konsep jagaan pelihara dan kebanyakan mereka tidak memahami konsep jagaan pelihara tersebut.

i) *Tiada penjelasan konsep*

Kebanyakan informan tidak dapat menjelaskan konsep jagaan pelihara berdasarkan keluarga apabila diminta. Informan juga menyatakan mereka tidak menerima sebarang penjelasan tentang konsep jagaan pelihara berdasarkan keluarga daripada mana-mana pihak terutamanya pekerja sosial. Perkara ini dinyatakan oleh Informan 10 iaitu “Aa...Kak Siti hari tu mohon dengan JKM untuk ambil baby la....tapi pasal fostering ni Kak Siti tak tahu sangat sebab tak ada orang terang pun”.

ii) *Tidak faham konsep*

Pengkaji juga mendapati terdapat sebilangan informan kelihatan keliru apabila pengkaji meminta pandangan mereka tentang konsep jagaan pelihara berdasarkan keluarga. Seperti yang dinyatakan oleh Informan 1 iaitu beliau “kurang faham” apabila pengkaji bertanyakan soalan berkaitan konsep jagaan pelihara. Sementara itu, bagi Informan 25, beliau menyatakan “Kita tak tau pasal pelihara ni..kita daftar nak ambik anak angkat”. Seiring dengan itu,

Informan 19 juga menyatakan perkara yang serupa apabila beliau kerap mengulangi persoalan yang diajukan oleh pengkaji iaitu “*Jagaan pelihara aaa...Maksud Cik bagaimana saya pelihara anak ini? Maksud Cik bagaimana saya hendak pelihara anak ini ke?*”. Informan juga tidak dapat menerangkan dengan jelas tentang konsep jagaan pelihara berasaskan keluarga.

Berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan informan, dapat dilihat wujud kekeliruan dan ketidakfahaman informan tentang konsep jagaan pelihara berasaskan keluarga. Walaupun informan yang dipilih dalam kalangan ibu bapa pelihara namun pengkaji mendapati terdapat sebahagian mereka langsung tidak memahami konsep jagaan pelihara. Ketidakfahaman mereka berkaitan konsep ini sudah pasti akan memberi kesan kepada aspek emosi dan fizikal mereka terutamanya apabila anak jagaan mereka perlu dikembalikan semula kepada keluarga kandung.

B. Kekeliruan Konsep Jagaan Pelihara Dan Pengangkatan

Tema utama yang kedua ialah kekeliruan informan terhadap konsep jagaan pelihara dan pengangkatan. Pengkaji mendapati terdapat dua sub tema di bawah tema utama ini iaitu (i) kekeliruan istilah anak pelihara dan anak angkat dan (ii) jagaan pelihara sebagai pra pengangkatan.

i) Kekeliruan istilah anak pelihara dan anak angkat

Berdasarkan data yang diperolehi, kebanyakan informan sering menyebut tentang anak angkat berbanding anak pelihara. Kerap kali informan menggunakan ganti nama “anak angkat” semasa merujuk kepada anak pelihara masing-masing. Perkara ini dapat dilihat dari beberapa informan yang kerap menyebut anak angkat contohnya seperti kenyataan oleh Informan 11 “*konsep yang diberi oleh kerajaan lah ataupun pihak berkuasa berkaitan hak memelihara anak angkat*” dan Informan 22 “*Macam jaga anak angkat la kan*”. Di samping kekeliruan penggunaan istilah anak angkat dan anak pelihara oleh informan, pengkaji mendapati terdapat juga kekeliruan pemahaman konsep jagaan pelihara dan pengangkatan oleh kebanyakan informan. Sebagai contoh kenyataan oleh Informan 16 dan 23 masing-masing mengatakan bahawa jagaan pelihara adalah sama seperti pengangkatan. Contohnya Informan 16 menyatakan seperti berikut “*fostering macam angkat la?*”. Sementara Informan 23 menyatakan bahawa “*Konsep saya ialah...ia adalah pengangkatan tetapi dalam masa yang sama pengangkatan boleh jadi jagaan pelihara...boleh jadi jagaan pelihara jugak la. Ia adalah bagaimana kita mentafsirkannya...pengangkatan adalah lebih kepada pemahaman seseorang individu*”. Beliau turut menyatakan “*Saya fikir ia adalah konsep yang sama...jagaan pelihara dan pengangkatan...kurang atau lebih*”. Kenyataan-kenyataan informan ini menunjukkan mereka keliru tentang kedua-dua konsep ini.

ii. Jagaan pelihara sebagai pra pengangkatan

Pengkaji juga mendapati terdapat informan yang menyatakan bahawa jagaan pelihara adalah merupakan pra pengangkatan. Sebagai contoh kenyataan oleh Informan 24 iaitu jagaan pelihara adalah proses pra pengangkatan sebelum kanak-kanak tersebut boleh dijadikan anak angkat. Di bawah Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952, kanak-kanak boleh dijadikan anak angkat oleh ibu bapa angkat setelah berada dalam jagaan dan saraan berterusan selama tidak kurang dari dua tahun. Beliau turut menerangkan tentang proses mengambil anak pelihara tersebut seperti berikut:-

“Jagaan pelihara, langkah pertama tu masa kita mula ambik dia, memang dia bagi tak sepenuhnya diberikan status bapak apa.. keluarga angkat la. So Cuma dia bagi hak penjagaan sahaja 2 tahun. Bila dah lepas hak penjagaan 2 tahun tu baru pergi mahkamah balik diorang dah sahkan boleh dinaikkan status sebagai mak bapak angkat la. So lepas dah dapat tu baru kita boleh pergi uruskan dia punya sijil yang berkaitan semua la. setakat tu lepas tu dapat sah anak angkat tu baru boleh proceed dengan urusan sijil dia, sijil kelahiran dia, sijil anak angkat, sijil kebenaran ke luar negara. So cuma setakat ni yang dah selesai sijil anak angkat je la”. (Informan 24)

Manakala menurut Informan 25 pula, tempoh jagaan pelihara selama 2 tahun adalah tempoh untuk membina keserasian antara ibu bapa pelihara dan kanak-kanak tersebut sebelum kanak-kanak itu dijadikan anak angkat.

“Ingatkan kalau ambik macam tu je, lepas tu bila dapat tau anak pelihara ni kena duduk dengan dia untuk dua tahun. Tengok la.. so tak apa dia tengok la kalau kita serasi dengan budak tu ke.. atau budak tu mungkin tak serasi dengan kita ke, tengok la yang mana satu kan. Tapi kami diberitahu dalam dua tahun so dalam dua tahun tu ye la.. sebab masih bayi tu sebab masih bukan hak kami kan. So in a way i think bagus la jugak kita jaga dia, get to know dia kan.. and i supposed ok, sebab for some abusive parents takut it will show la, then this is very effective la dalam dua tahun tu” (Informan 25)

Walaubagaimanapun, pengkaji mendapati terdapat informan yang menjelaskan jagaan pelihara sebagai jagaan yang diberikan kepada kanak-kanak yang tidak boleh dijadikan anak angkat. Perkara ini dinyatakan oleh Informan 21 seperti kenyataan berikut: “Kanak-kanak ni kan saya tak boleh nak jadikan anak angkat, sebab tak boleh buat anak angkat, jadikan anak pelihara la. tu yang makcik faham tu, sebab hari tu dia cakap kan makcik tak boleh buat anak angkat. Jadi makcik jadikan dia anak pelihara la”. Perkara ini bertepatan dengan kenyataan Sellick dan Connolly (2002) yang turut menyatakan jagaan pelihara adalah merupakan jagaan alternatif kepada kanak-kanak yang tidak berpeluang untuk dijadikan anak angkat seperti kanak-kanak mangsa penderaan dan pengabaian dan juga kanak-kanak yang sudah meningkat dewasa. Ini menunjukkan Informan 21 tidak keliru dengan konsep anak pelihara dan pengangkatan kerana boleh menyatakan dengan tepat seperti kenyataan Sellick dan Connolly (2002) tersebut.

Kesimpulannya, pengkaji mendapati kebanyakkan informan keliru dan tidak jelas dengan tafsiran konsep jagaan pelihara dan pengangkatan walaupun terdapat seorang informan yang memberi kenyataan yang tidak mengelirukan. Apabila berlaku kekeliruan tentang konsep maka penggunaan istilah anak pelihara dan anak angkat juga digunakan secara tidak tepat. Pengkaji juga mendapati terdapat pemahaman baru dikalangan ibu bapa pelihara iaitu jagaan pelihara adalah merupakan satu proses pra pengangkatan sebelum kanak-kanak tersebut boleh dijadikan anak angkat. Konsep ini agak berbeza dengan konsep jagaan pelihara yang sering diberikan oleh pelopor-pelopor jagaan pelihara di luar negara.

C. Sumber Pengetahuan Berasaskan Pengalaman

Terdapat pelbagai konsep jagaan pelihara yang terhasil dari analisis data yang dilakukan oleh pengkaji. Pemahaman ibu bapa pelihara ini adalah berdasarkan pengalaman mereka menjaga anak pelihara. Antara pengetahuan tentang jagaan pelihara berdasarkan keluarga yang telah dapat dikenalpasti oleh pengkaji daripada informan adalah:- (i) menjaga seperti anak kandung (ii) menyediakan hak kehidupan sebagai kanak-kanak, (iii) keperluan penjaga untuk memelihara kanak-kanak dan (iv) keinginan menjadi ibu bapa pelihara.

i. *Menjaga seperti anak kandung*

Kebanyakan ibu bapa pelihara berpendapat jagaan pelihara bermaksud menjaga kanak-kanak seperti menjaga anak sendiri iaitu termasuklah dengan memberikan kasih sayang secukupnya, memberikan pendidikan, memberikan makanan dan memberikan keperluan asas yang lain. Ini adalah selaras dengan pernyataan Buehler et al. (2006) iaitu ibu bapa hendaklah memberi jagaan yang sempurna, menyediakan keperluan asas yang mencukupi, pendidikan yang sewajarnya, pemantauan dan tunjuk ajar sehingga kanak-kanak boleh berdikari. Perkara ini dinyatakan oleh Informan 4 yang merupakan seorang ibu tunggal yang turut mempunyai anak kandung sendiri. Beliau kerap kali menyatakan jagaan yang diberikan kepada anak pelihara ini adalah seperti beliau menjaga anak kandungnya. Sebagai contoh kenyataan Informan 4 adalah “*jadi saya jaga sepenuh hati la.. saya jaga sepenuh hati saya macam mana saya jaga anak kandung saya*”. Perkara yang sama turut dinyatakan oleh Informan 8 iaitu “*Kita ambil dari apa.. kita menerima amanah [kanak-kanak] yang diberikan kepada kita mula-mula tu. Ikutlah amanah yang dibagikan aaaa..jaga.. macam anak sendiri la*”. Begitu juga dengan kenyataan dari Informan 22 “*Kita pelihara.. yang saya faham lah.. kita ambil dia, kita dapat dia.. kita jaga macam anak kita sendiri*”. Perkara ini juga selaras dengan kenyataan Informan 23 yang menyatakan pemahamannya iaitu “*Ya betul, jagaan pelihara adalah sama seperti bagaimana anda menjaga anak kandung sendiri..jika anda fikir itu adalah anak kandung anda maka tidak akan ada sebarang perbezaan yang akan dapat anda lihat...itu adalah pemahaman saya*”. Berdasarkan pandangan yang diberikan oleh beberapa informan, ibu bapa pelihara mempunyai peranan yang sama seperti ibu bapa kandung. Sekiranya ibu bapa pelihara ini jelas dengan peranan mereka maka ia akan memberi pengalaman yang baik kepada ibu bapa pelihara itu sendiri dan juga anak pelihara, seterusnya akan mengurangkan konflik dalam keluarga pelihara tersebut. Perkara ini juga selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Fees et al., (1998), Pasztor (1985), Simon & Simon (1982) dalam Yamile M. Martí Haidar (2013).

ii. *Menyediakan hak kehidupan sebagai kanak-kanak*

Selain itu, terdapat juga informan menyatakan jagaan pelihara adalah jagaan yang diberikan kepada kanak-kanak bagi menyediakan hak kehidupan kepada kanak-kanak yang memerlukan penjagaan dan pemeliharaan. Perkara ini ditekankan oleh Informan 10 iaitu seorang ibu tunggal yang mengambil alih jagaan kanak-kanak dari bekas suami yang tidak memberikan jagaan yang sepatutnya kepada kanak-kanak tersebut. Beliau sangat menekankan tentang memberi didikan dan hak kehidupan kepada kanak-kanak untuk meneruskan kehidupan mereka. Berikut adalah kenyataan yang diberikan oleh beliau;

“*Jaga dia lepas tu dengan didikan sekali la. Sama macam anak-anak.. macam anak-anak yang lain. Ha..tu bagi saya la. Saya.. sebab saya punya..apa.. em..pegangan saya pun walaupun dia bukan anak sendiri, sebagai seorang kanak-kanak tu dia memang berhak dijaga ataupun dipelihara, maksudnya diberi kehidupan sebagai seorang kanak-kanak la, daripada penjaga. Maksudnya ibu bapa la..*” (informan 10)

Informan 14 juga turut mempunyai pandangan yang sama iaitu jagaan pelihara adalah memberi penjagaan kepada kanak-kanak dengan memberi kanak-kanak kehidupan dari rumah hingga ke sekolah iaitu berhubungkait dengan memberi pendidikan formal kepada kanak-kanak. Kenyataan beliau adalah “*Apa ea yang faham.. aa.. jaga diorang dari.. apa ni.. dia punya.. dia punya..Ha.. kehidupan dia..dari rumah, sekolah.. tu la*”. Kesimpulannya, ibu bapa pelihara yang telah menjaga anak pelihara akan berusaha untuk memberi hak kehidupan

kepada kanak-kanak tersebut seperti memberi didikan formal dan tidak formal, memberi tempat tinggal dan pengawasan sebagai penjaga kepada anak pelihara tersebut.

iii. *Keperluan penjaga untuk memelihara kanak-kanak*

Terdapat sebahagian informan yang merasa bertanggungjawab untuk menjadi penjaga kepada kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan pelindungan. Sebagai contoh Informan 17 dan 18, mereka adalah merupakan pasangan ibu bapa pelihara yang telah lama bergiat aktif dalam kerja-kerja kesukarelawan. Disebabkan sikap kesukarelaan yang tinggi dalam diri, telah mendorong mereka untuk mengambil dua orang anak pelihara yang merupakan adik beradik. Apabila pengkaji mengajukan soalan, pasangan Informan 17 dan 18 ini telah menyatakan jagaan pelihara adalah jagaan yang diberikan kepada kanak-kanak yang tidak mampu untuk menjaga diri sendiri kerana tiada pengawasan dari orang yang lebih dewasa. Ini adalah seperti kenyataan Informan 17 iaitu “*Pada pandangan saya, jagaan pelihara adalah memberi jagaan kepada kanak-kanak yang....tidak mampu untuk menjaga diri mereka sendiri*”. Sementara informan 18 pula menyatakan dengan lebih terperinci seperti kenyataan berikut:-

“*Jagaan pelihara pada pendapat saya adalah apabila ibu bapa kandung kanak-kanak berada di dalam keadaan tidak berkeupayaan untuk memberi jagaan kepada anak mereka dan menjadi tanggungjawab kami, ibu bapa pelihara untuk membantu ibu bapa kandung tersebut menjaga anak mereka. Walau bagaimanapun, sekiranya pada satu tahap yang ibu bapa kandung telah boleh menjaga kanak-kanak semula maka kami akan menyerahkan kembali kepada mereka. Tetapi sekiranya ibu bapa kandung tidak mahu untuk mengambil semula anak pelihara, tiada masalah kepada kami untuk terus menjaga kanak-kanak. Kami ingin melihat kanak-kanak membesar menjadi warganegara yang berguna dan boleh menyumbang kepada masyarakat dan kami boleh menjadi sebahagian dari pihak yang membantu kanak-kanak untuk mencapai ke tahap tersebut. Ini adalah pandangan saya berkaitan jagaan pelihara*”.

(Informan 18)

Pengkaji mendapati kedua-dua informan 17 dan 18 ini dilihat boleh menyatakan pandangan mereka disebabkan pengalaman yang mereka perolehi apabila menjadi sukarelawan yang berkaitan dengan perkhidmatan kanak-kanak. Kenyataan yang diberikan oleh Infoman 17 dan 18 ini juga adalah bertepatan dengan maksud jagaan pelihara seperti yang dinyatakan oleh Chong (2008) iaitu jagaan pelihara adalah merupakan jagaan sementara ketika keluarga kandung kanak-kanak tidak berupaya memberi jagaan dan pemeliharaan kepada kanak-kanak.

iv. *Keinginan menjadi ibu bapa pelihara*

Pengkaji juga mendapati terdapat informan yang menyatakan jagaan pelihara adalah apabila seseorang itu berkeinginan untuk menjadi ibu bapa pelihara. Sebagai contoh Informan 13 yang merupakan bapa pelihara yang berstatus bujang tetapi berhasrat untuk mengambil anak pelihara untuk dijaga. Berikut adalah kenyataan beliau iaitu “*Fostering ni maksudnya orang yang macam saya la. Saya ambik contoh saya ni macam orang yang nakkan anak-anak dan masuk ke dalam apply la sistem sedia ada contohnya macam di sistem Jabatan Kebajikan Masyarakat*”. Menurut Informan 13, beliau sendiri mempunyai kemahuan untuk mendapatkan anak untuk dipelihara. Ini adalah disebabkan beliau ingin mempunyai anak yang boleh dijadikan teman dan diberikan jagaan seperti anak kandung sendiri kerana beliau masih belum berkahwin dan faktor umur yang telah agak lanjut. Oleh itu, beliau telah memohon melalui sistem yang dibangunkan oleh JKM melalui Program Anak Pelihara.

KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati tiga tema utama yang diperoleh hasil daripada analisis data temubual. Tema tersebut adalah (i) ketidakfahaman konsep jagaan pelihara berasaskan keluarga, (ii) kekeliruan konsep jagaan pelihara berasaskan keluarga dan pengangkatan dan (iii) sumber pengetahuan berasaskan pengalaman. Berdasarkan hasil kajian didapati terdapat kepelbagaian pengetahuan ibu bapa pelihara yang boleh dijadikan panduan untuk menyelaraskan konsep jagaan pelihara berasaskan keluarga dalam konteks tempatan. Konsep jagaan pelihara dan pengangkatan perlu diterangkan dengan jelas oleh pihak-pihak yang terlibat dalam penempatan kanak-kanak seperti pegawai pelindung kanak-kanak JKM, pekerja sosial, pekerja sukarela badan bukan kerajaan dan individu yang terlibat dengan sistem perlindungan kanak-kanak kepada ibu bapa pelihara. Penerangan yang jelas kepada ibu bapa pelihara dan ibu bapa angkat perlu dilakukan supaya tidak timbul kekeliruan dan salah tafsir berkaitan perkara tersebut kerana ia amat berkait rapat dengan kejayaan dan kelangsungan penempatan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan pelindungan. Oleh yang demikian, tindakan yang proaktif perlu dijalankan oleh pelbagai pihak bagi memastikan pemahaman yang tepat dapat diterapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses penempatan kanak-kanak. Sebagai agensi utama yang bertanggungjawab dalam penempatan kanak-kanak, Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) misalnya perlu mengadakan kempen kesedaran mengenai konsep jagaan pelihara dan pengangkatan bagi mengelakkan kekeliruan dan pengertian yang tidak tepat terhadap kedua-dua konsep tersebut. Selain itu, pekerja sosial juga perlu menjalankan peranan mereka sebagai *educator* dengan menyalurkan maklumat yang tepat agar ibu bapa pelihara mempunyai pemahaman yang jelas dan tidak timbul kekeliruan antara konsep pengangkatan dan jagaan pelihara. Publisiti yang meluas juga perlu dijalankan dengan menggunakan media massa agar orang awam lebih cakna tentang adanya program jagaan pelihara di Malaysia yang memberi fokus kepada isu jagaan dan pemeliharaan kanak-kanak yang memerlukan. Iklan-iklan di surat khabar arus perdana, radio dan televisyen juga merupakan platform terbaik untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang awam. Hal ini seterusnya akan dapat mencetuskan kesan positif dan menggalakkan mereka untuk mendaftar sebagai ibu bapa pelihara yang sah.

RUJUKAN

- Asmussen, K. J., & Creswell, J. W., (1995). Campus response to a student gunman. *Journal of Higher Education*. 66:575-591.
- Azizah Mohd & Nadhilah A. Kadir., (2014). Children foster care law and practice: what Malaysia can learn from foster care (Ihtidhan) in Jordan. *IIUM Law Journal* 22(February 2013): 15–18.
- Buehler, C., Rhodes, K.W., G.Orme, J. & Cuddeback, G., (2006). The potential for successful family foster care: Conceptualizing competency domains for foster parents. *Child Welfare League of America*
- Colton, M. & Williams, M. (1997). *The nature of foster care International trends*. 21(1)
- Chan, C.C., (2008). Jagaan pelihara (foster care) dan pengangkatan (adoption): Satu perbandingan. *Pembangunan kanak-kanak teori, isu dan cabaran*, Arah Pendidikan.
- Chan, C. C., (2013). A comparative study on Rumah Kanak-Kanak (children residential home) and Rumah Tunas Harapan (foster home) in Malaysia: A child-centric perspective. (Unpublished Ph.D. thesis). National University of Singapore, Singapore.

- Chan, C. C. & Md Zawawi Abu Bakar., (2017). Jagaan gantian untuk kanak-kanak: kekeliruan konsep dan implikasinya kepada proses penempatan kanak-kanak di Malaysia. Prosiding *Persidangan Kerja Sosial Kebangsaan*. 12-13 Julai 2017.
- Colton, M. & Williams, M., (2005). “Global Trends in Foster Care” in *Child Welfare: Major Themes in Health and Social Welfare Vol. III* edited by Frost, N., Routledge, 3:148.
- E. Johnson, D., V. Dovbnya, S., U. Morozava, T., A. Richards, M. & G. Bogdanova, J., (2014). From institutional care to family support: Development of an effective early intervention network in the Nizhny Novgorod Region, Russian Federation, to support family care for children at risk for institutionalization. *Journal of Infant Mental Health* 35(2): 172–184.
- Glasser, B. G., & Strauss, A. L., (1967). The development of grounded theory. *Chicago, IL: Alden*.
- Haidar, Y. M. M. 2013. *What is the experience of foster care mothers?* (Doctoral dissertation, Columbia University).
- KPWKM. 1952. Akta Pendaftaran Anak Angkat.
<https://webcache.googleusercontent.com/search?q=cache:0pfFbg704XkJ:https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/converted/4786/AktaPengangkatan1952.pdf+&cd=4&hl=en&ct=clnk&gl=my>
- KPWKM. 2015. Akta kanak-kanak (pindaan) 2015.
[www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/.../D_R_39-2015\(BM\).PDF](http://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/.../D_R_39-2015(BM).PDF)
- Johnson, H. 2005. Literature review of foster care. Mkombozie Centre for Street Children. Tanzania.
- Maluccio, A. & Ainsworth, F., (2006). Family foster care: Development or decline? *Journal of Adoption & Fostering* 30(4): 20–25.
- Martin, J.A., (2000). *Family-based foster care: Theory and practice*. Allyn & Bacon: t.pt.
- Rahman, F.N.A., Daud, T.I.M., Jaafar, N.R.N., Shah, S.A., Tan, S.M.K. & Ismail, W.S.W., (2013). Behavioral and emotional problems in a Kuala Lumpur children’s home. *Pediatrics International*
- Schofield, G. & Beek, M., (2009). Growing up in foster care: providing a secure base through adolescence. *Child & Family Social Work* <http://onlinelibrary.wiley.com/doi/10.1111/j.1365-2206.2008.00592.x/full>. Tarikh capaian: 14 Oktober 2016.
- Sellick, C., (1999). The role of social workers in supporting and developing the work of foster carers. *Signposts in Fostering:- Policy, Practice and Research Issues* 239–249.
- Stahl, P.M., (1990). *Children on Consignment: A Handbook for Parenting Foster Children and Their Special Needs*, Lexington Books.
- Triseliotis, J., Shireman, J. & Hundleby, M., (1997). *Adoption: theory,policy and practice*. Cassel: London
- Triseliotis, J., (2002). Long-term foster care or adoption? The evidence examined. *Child & Family Social Work* <http://onlinelibrary.wiley.com/doi/10.1046/j.1365-2206.2002.00224.x/full>. Tarikh capaian: 14 Oktober 2016.

Muzairiah Bajuri

Calon Doktor Falsafah di Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia,
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia.
muzairiah@gmail.com

Norulhuda Sarnon@Kusenin (PhD),

Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia,

Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia.

norul@ukm.edu.my

Nor Jana Saim (PhD),

Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia,

Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia.

janasaim@yahoo.com

Fauziah Ibrahim (PhD),

Professor Madya di Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia,

Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan,

Universiti Kebangsaan Malaysia.

ifauziah@ukm.edu.my